



13 APR, 2026

## Perluas campuran sumber tenaga

Suara Sarawak, Malaysia



# Perluas campuran sumber tenaga

MARCELLA NATHASIA

**SIMANGGANG:** Pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Batang Ai menjadi langkah strategik mempelbagaikan campuran tenaga negara dan memperkukuh daya tahan sektor tenaga dalam menghadapi cabaran perubahan iklim global.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Fadillah Yusof berkata, pembangunan tersebut mencerminkan keupayaan Sarawak memperluas sumber tenaga boleh diperbaharui melalui gabungan tenaga hidro dan solar, sekali gus memperkukuh kepelbagaian campuran tenaga negeri dan negara.

"Di Sarawak, campuran tenaga bukan sahaja bergantung kepada tenaga hidro yang ketika ini menyumbang sekitar 60 hingga 70 peratus daripada sumber tenaga, malah turut diperkukuh melalui tenaga solar dan gas, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap diesel.

"Kita perlu mengembangkan campuran tenaga negara. Kita tidak boleh bergantung kepada satu sumber tenaga sahaja kerana cabaran masa hadapan termasuk perubahan cuaca ekstrem boleh menjejaskan kestabilan bekalan tenaga.

"Sehubungan itu, kita harus bersedia dengan pelbagai sumber tenaga termasuk gas, biofuel, biojisim, tenaga suria dan



**FADILLAH** bercakap kepada pemberita selepas Program PETRA Skwad Zon Sarawak di Empangan Hidroelektrik Batang Ai, semalam. | Foto ALVERDEKOSTER ANYAP

angin secara menyeluruh bagi memastikan keterjaminan bekalan tenaga negara kekal terpelihara, mampu dibiayai oleh rakyat dan industri serta mengekalkan kelestarian alam sekitar," katanya.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata demikian kepada pemberita pada Program PETRA Skwad Zon Sarawak di Stesen Janakuasa Hidroelektrik Batang Ai, Lubok Antu, di sini, semalam.

Tambahnya, keperluan mempelbagaikan campuran tenaga turut didorong faktor

perubahan cuaca seperti kekurangan hujan yang menjejaskan paras air Empangan Hidroelektrik Batang Ai.

Sehubungan itu, beliau berkata, pelaksanaan program PETRA Skwad Zon Sarawak dari 12 hingga 13 April membolehkan kepimpinan kementerian turun ke lapangan meninjau perkembangan semasa serta projek-projek tenaga yang sedang dilaksanakan.

"Saya berharap kerjasama erat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sarawak serta syarikat utiliti dapat terus diperkukuh terutamanya

bersama Sarawak Energy Berhad (SEB).

"Melalui jalinan kerjasama ini, kita merancang masa depan negara kerana mana-mana negara yang mampu menguasai serta menjana sumber tenaga akan mempunyai kelebihan untuk bersaing pada masa hadapan. Inilah yang perlu diberi perhatian," tegasnya.

Mengulas lanjut katanya, Empangan Batang Ai yang dibangunkan pada 1985 kekal sebagai antara komponen penting dalam sistem tenaga Sarawak, dengan kapasiti penjana hidro

sebanyak 94 megawatt (MW). "Selepas hampir 40 tahun beroperasi, empangan tersebut dilanjutkan jangka hayatnya selama 30 tahun lagi, sekali gus membuktikan keupayaannya sebagai infrastruktur tenaga yang mampan serta terus menyumbang kepada pembangunan negeri," jelasnya.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, pembangunan projek solar terapung hasil kerjasama SEB dengan syarikat dari China yang menjana kira-kira 50 MW turut memperkukuh ekosistem tenaga boleh diperbaharui di Batang Ai.

Untuk rekod, Program PETRA Skwad Zon Sarawak itu mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan memperkukuh agenda peralihan tenaga negara secara strategik, mampan dan berimpak tinggi.

Lawatan itu juga manifestasi keyakinan Kerajaan Persekutuan terhadap keupayaan Sarawak meneraju pembangunan tenaga boleh baharu, di samping membuka peluang peluasan pelaburan, pemindahan teknologi serta pembangunan ekonomi berasaskan tenaga bersih.

Kedudukan Sarawak sebagai hab tenaga boleh diperbaharui negara menjadikannya sebagai antara pemacu utama menyokong sasaran negara mencapai 70 peratus kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber TBB menjelang 2050.